

UMS mahu lahir modal insan unggul, dinamik

DE 12.9.2013 7

KOTA KINABALU: Modal insan perlu memiliki pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keperibadian yang unggul dan dinamik.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah, keupayaan melahirkan modal insan kelas pertama seumpama itu akan memastikan kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi selaras dengan kepesatan pembangunan negara.

Katanya, UMS selaku universiti berinovatif turut berinisiatif untuk memastikan kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk dalam kalangan para pelajar pascasiswazah.

"Sejajar dengan itu, terdapat 23 Projek Agenda Kritikal (CAP) yang diberi penekanan oleh UMS seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, antara yang dititikberatkan di peringkat pasca-siswazah ialah Pengantarabangsaan, MyBrain 15 dan Pembelajaran Sepanjang Hayat," katanya dalam Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar Pelajar Baharu Pascasiswazah Semester 1 Sesi 2013/2014.

Teks amanatnya dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Haji Shariff Abdul Kadir S Omang Al-Haj.

Datuk Dr. Harun berkata, pihak universiti juga memikirkan strategi untuk menarik minat pelajar menyambung pengajian ke peringkat pascasiswazah agar tidak berhenti di tahap ijazah pertama sahaja.

Katanya, ia termasuk pelaksanaan proses menanda aras terhadap program-program pascasiswazah bagi menentukan program-program yang ditawarkan berkualiti tinggi dan berdaya saing, sekali gus menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan tenaga pakar berpengetahuan tinggi.

"Untuk merealisasikan harapan ini, saya menyeru kepada semua warga UMS supaya dapat memainkan per-

anan dalam usaha mencapai misi dan visi universiti.

"Warga UMS yang saya maksudkan bukan sekadar para pentadbir, kakitangan akademik dan kakitangan sokongan semata-mata tetapi merangkumi pelajar prasiswazah dan anda semua," ujar Datuk Dr. Harun.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr. Shahril Yusof dan Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof. Datin Dr. Mariam Abd. Latif.

Pada kemasukan sesi 2013/2014, UMS menerima seramai 635 orang pelajar baharu pascasiswazah termasuk 20 pelajar antarabangsa.